



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my Emel:
media.ukk@kpkt.gov.my Twitter:
www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (17)
Tarikh : 23 Julai 2019

**SIARAN MEDIA
23 Julai 2019**

**MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-74
(MNKT KE-74)**

PUTRAJAYA, 23 Julai 2019 - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-74 (MNKT Ke-74) yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Menteri-menteri Kabinet, YAB Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri, YB Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Lima (5) kertas telah dibentangkan pada kali ini yang merangkumi tiga (3) kertas pertimbangan yang telah dipersetujui oleh Majlis, iaitu:

Kertas Pertimbangan

1. Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JKT, KPKT)

Kertas ini membincangkan mengenai garis panduan yang memfokuskan kepada aktiviti pencegahan dan kawalan pembiakan nyamuk di premis serta persekitaran setempat.

Tiga (3) strategi yang digariskan dalam Garis Panduan ini adalah pengurusan kawasan berisiko, promosi kesihatan dan penglibatan masyarakat serta penguatkuasaan undang-undang.

Tiga (3) teras strategi bagi pencegahan dan kawalan nyamuk Aedes di kawasan PBT adalah seperti berikut:

- (a) Pengurusan berkesan berasaskan 'Epidemiologi Triangle' - tindakan pencegahan dan kawalan yang memfokuskan kepada 18 kategori premis mengikut keutamaan risiko pembiakan nyamuk Aedes;
 - (b) Promosi Kesihatan dan Penglibatan Masyarakat - Mendayakan komuniti melalui aktiviti pendidikan dan kesedaran kepada komuniti dalam meningkatkan pengetahuan mengenai nyamuk dan penyakit yang dibawa oleh nyamuk Aedes serta melibatkan komuniti dalam melaksanakan aktiviti cari & musnah dan gotong-royong; dan
 - (c) Penguatkuasaan Undang-Undang - memperkukuhkan penguatkuasaan peruntukan Undang-Undang sedia ada di setiap PBT bagi mengatasi punca pembiakan nyamuk.
2. Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Fizikal untuk PBT oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pembentangan kertas ini mengenai Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya sebagai panduan standard dalam pembangunan pelan tindakan aksesibiliti oleh setiap PBT yang merangkumi panduan untuk meningkatkan aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam di dalam kawasan setiap PBT.

3. Garis Panduan Pasar Malam/ Pasar Harian/ Pasar Tani di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JKT, KPKT)

Kertas ini membincangkan mengenai Garis Panduan yang akan dijadikan panduan seragam kepada PBT dalam menguruskan pasar malam / pasar harian/ pasar tani di kawasan masing-masing.

Serta dua (2) kertas makluman seperti berikut:

Kertas Makluman

4. Dasar Komuniti Negara oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Kertas ini menyentuh mengenai Dasar Komuniti Negara yang digubal oleh KPKT bermatlamat untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam

usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Dasar ini juga memberi fokus untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup.

5. Pelan Tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Untuk Bekerjasama Dengan PBT Dalam Pembangunan Perniagaan *Food Truck* di Malaysia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kertas ini menyentuh mengenai Pelan Tindakan KPDNHEP Untuk Bekerjasama Dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bagi Pembangunan Perniagaan *Food Truck* Di Malaysia. Pelan Tindakan ini memberi penekanan dalam pembangunan perniagaan *food truck* di Malaysia termasuklah penetapan lokasi perniagaan tetap, kawalan harga jualan makanan, latihan dan peningkatan perniagaan serta peranan organisasi pengurusan tapak perniagaan.

Penubuhan MNKT dalam konteks ini akan bertanggungjawab sebagai pembuat dasar serta penasihat mengenai hal-hal berkaitan dengan kerajaan tempatan khususnya dari segi dasar-dasar, kawalan dan pembangunan.

Majlis ini berharap kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bertanggungjawab melaksanakan dasar yang dipersetujui dalam MNKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*